

## ***FILIAL PIETY (XIAO) SEBAGAI TERAS PEMBINAAN IDENTITI KOMUNITI CINA***

Wan Norhasniah Haji Wan Husin  
Kumpulan Penyelidik Politik dan Peradaban Islam  
Pusat Pengajian Umum dan Bahasa  
Universiti Pertahanan Nasional Malaysia  
Kem Sungai Besi, 57000  
Kuala Lumpur

### **ABSTRAK**

*Penulisan ini akan mengkaji kedudukan nilai filial piety sebagai teras pembentukan identiti komuniti Cina. Dari kajian-kajian lalu didapati nilai inilah yang berperanan membina kehidupan bermoral yang terungkap dalam hubungan kekeluargaan dan kemanusiaan. Ia juga berperanan mengukuhkan kemunculan nilai keunggulan, kecinaan yang tegar dan pragmatis yang terpujuk hasil dari penyebatian dengan norma sosial yang bersandarkan kepada idea falsafah (sagehood), idea kinship (persanakan) dan idea son of heaven (t'ien-tzu-wakil tuhan) serta pengaruh persekitaran geografi. Menerusi gabungan ketiga-tiga nilai ini dengan norma sosial, persekitaran geografi dan hubungan yang bertimbal balik dengan unsur-unsur kehidupan Cina iaitu bahasa, budaya, pendidikan, ekonomi, politik dan sosial, identiti mereka telah terbina secara umum. Dapatan dari kajian ini ialah nilai filial piety berperanan utama membentuk identiti komuniti Cina dan pendominasiannya difahami dengan mengkaji hubungan sosial sama ada sesama mereka ataupun dengan komuniti bukan Cina. Malah dapatan ini juga boleh diperkukuhkan dengan mengkaji pergaulan mereka dengan komuniti bukan Cina di negara-negara yang dihijrahi seperti Amerika Syarikat, Australia, New Zealand, Indonesia, Filipina, Thailand dan Malaysia.*

**Keywords:** Filial piety, komuniti Cina, kecinaan yang tegar, keunggulan, pragmatis

### **1. RUANGLINGKUP PERADABAN DAN BUDAYA CINA**

Kawasan Asia-Timur ataupun Timur-Jauh memiliki sejarah dunia yang panjang dan peninggalan peradaban yang tinggi. Peradaban awal di sini adalah peradaban Cina yang bermula di Sungai Yang-tze dan terletak di Tanah Besar China. Wilayah ini pula terbahagi kepada dua bahagian, iaitu China Utara dan China Selatan.

Bahagian Utara dikenali sebagai kawasan China asli yang bermula dari Lembah Sungai Kuning. Ia merupakan pusat perkembangan peradaban China yang kemudiannya tersalur ke bahagian Selatan (Chang Chi-Yun. 1957: 24-25), yang menjadi induk perkembangan budaya manusia yang dikenali sebagai *Hua* (Hsia) di zaman Dinasti Chou (1122-256SM), *Han Jen* semasa Dinasti Han (202SM-220M) dan *T'ang Jen* sewaktu Dinasti T'ang (618M-906M) (Li Chi. 1967:271-272). Dari sini unsur-unsur utama yang terkandung dalam peradaban dan budaya Cina meresap dan mewarnai khazanah sejarah Jepun dan Korea, sama ada Korea Utara ataupun Korea Selatan. Antara warisan tradisi China lampau yang berpengaruh ialah sistem penulisan berdasarkan ideographik, ajaran klasik konfusius, terutamanya hubungan kekeluargaan dan hieraki dalam hubungan sosial, sistem peperiksaan, birokrasi dan sistem politik Monarki. Kesemuanya menjadi lambang kecemerlangan dan ketinggian peradaban Cina. Justeru, masyarakat Cina tradisi melihat keperberadaban sesebuah bangsa adalah dinilai jika bangsa berkenaan beramal dan berpegang dengan budaya Cina (Fairbank, J.K. 1968: 1).

Bahagian Selatan pula dikelilingi oleh banjaran, gunung ganang, lautan dan padang pasir yang bertindak sebagai pendinding yang menyukarkan perhubungan dengan kawasan luar. Ia juga mempunyai sungai utama yang dikenali sebagai Sungai Yangt-tze dan menjadi nadi utama

bagi aktiviti pertanian (Chang Chi-Yun. 1957: 47-50). Kedudukan geografi yang sedemikian, bukan sahaja telah memisahkan hubungan sosial dengan komuniti bukan Cina, malah telah menyemaikan sentimen kecinaan dan kekitaan yang kukuh yang dibina berdasarkan keadaan persekitaran dan hubungan sosial. Suasana sebegini telah mempengaruhi komuniti Cina untuk berpegang teguh dengan adat resam Cina sehingga membenihkan rasa curiga terhadap sesuatu yang datang dari luar, dan menanam sifat suka menyendiri serta kurang inisiatif untuk bergaul dengan komuniti bukan Cina. Hasilnya, ikatan sesama komuniti Cina terpaut kukuh sehingga melahirkan nilai dalaman yang lebih mementingkan semangat kecinaan dan kepuakan (Kolb, A. 1971: 21-25; Fairbank, J.K. et.al. 1973: 3).

Secara umumnya dengan kedudukan Tanah Besar China yang terpisah jauh dari gangguan bangsa luar, sama ada dari Barat dan Asia Tenggara, kemampuan masyarakat Cina membina peradabannya tanpa memerlukan campurtangan dari pihak luar dan kehidupan cara tani yang berkembang dari Utara hinggalah ke Selatan, telah membenihkan dan mengukuhkan nilai keunggulan dan kecinaan.

## **2. FILIAL PIETY SEBAGAI ASAS PEMBINAAN IDENTITI KOMUNITI CINA**

Nilai *filial piety* (*Xiao*) bermaksud warisan kasih sayang dan hormat terhadap keluarga (Hsieh Yu-we. 1977: 170-186). Ia berperanan utama mencorakkan hubungan kekeluargaan dan kemanusiaan dalam komuniti Cina serta menjadi pasak kepada perkembangan sistem etika Cina (Ben-Ami Scharfstein. 1974: 6; Ikels, C. 2004: 2-3). Ia juga berperanan mengukuhkan kemunculan nilai keunggulan, kecinaan yang tegar dan prinsip *pragmatis* yang terpupuk hasil dari penyebatian dengan norma sosial yang bersandarkan idea *son of heaven*, falsafah, idea *kinship* iaitu ikatan menerusi hubungan kekeluargaan dan serta pengaruh persekitaran geografi. Gabungan dari faktor-faktor tersebut, identiti komuniti Cina terbina dan seterusnya mempengaruhi perlakuan dan tindakan mereka menerusi pengemudian nilai-nilai sosial tertentu ketika berinteraksi sama ada sesama mereka ataupun dengan etnik bukan Cina.

Kemunculan nilai *filial piety* diperkukuhkan dengan idea *son of heaven*. Menurut Fairbank, pemaduan konsep *kinship* dan falsafah telah bertindak mempengaruhi kesemua hubungan sosial komuniti Cina. Pelaksanaan tugas *kinship* ini pula dimandatkan kepada *son of heaven* di mana kekuasaannya mencakupi seluruh perkara yang berada di luar Tanah Besar China (Fairbank, J.K. 1968: 2). Manakala keseluruhan pentadbiran negara pula dibantu oleh golongan birokrat yang terdiri daripada ahli falsafah, seperti konfusius. Kuasa yang dimandatkan kepada *son of heaven* memberi gambaran bahawa beliau merupakan individu yang unggul dari seluruh aspek, seperti mengetuai ketenteraan, pentadbiran, kepimpinan, kehakiman dan ahli cendekiawan. Kehebatan dan keunggulan Maharaja Cina telah membuahkan pandangan iaitu seluruh dunia China telah disatukan dengan berpaksi kepada pemusatan kecinaan (*sinocentric*), dengan kepercayaan iaitu, segala yang berada di China merupakan unggul dan hebat, manakala segala yang bukan bersifat kecinaan, adalah kecil dan lemah (Lien-shen Yang. 1968: 20). Hasil gabungan di antara nilai *filial piety* dengan idea *son of heaven* dan falsafah serta diperkuatkan lagi dengan suasana persekitarannya, telah melahirkan nilai keunggulan dan pemusatan kecinaan yang tegar di dalam lubuk jiwa komuniti Cina. Nilai ini terungkap ketika mereka berinteraksi dengan komuniti bukan Cina.

Nilai keunggulan yang terserlah dari idea *son of heaven* diperkuatkan lagi dengan pandangan dan prinsip yang diketengahkan oleh kelompok ahli falsafah (Dawson, R. 1964: 10; Melliush, G. 2004: 234; Melliush, G. 2004: 234). Golongan ini berperanan utama mentadbir dan menentukan susun atur perjalanan politik negara (Charles A. M. 1967: 3-5; Lee Siow Ming. 1986: 6-10). Antara ajaran ahli falsafah yang dominan adalah seperti Konfusius, Meng-zi, Xun-zi, Lao-tze dan sebagainya. Penerimaan falsafah Konfusius ataupun falsafah tertentu telah bertindak sebagai norma sosial dalam sistem budaya Cina. Ia kemudiannya berperanan sebagai kod etika dalam hubungan sosial dan seterusnya menjadi pegangan hidup serta mempengaruhi pemikiran, tindakan dan perlakuan mereka sama ada ketika berinteraksi sesama mereka ataupun dengan komuniti bukan Cina terutamanya setelah berhijrah ke wilayah-wilayah baru seperti Amerika Syarikat, Australia, Indonesia, Singapura dan Malaysia (Thomas Tsu-wee Tan. 1986: 18). Bagi memenuhi kehendak kehidupan yang sering ditimpa bencana, diancam sama ada oleh pihak Maharaja ataupun puak yang berbeza, komuniti Cina akan bersikap pragmatis untuk memilih falsafah tertentu bagi menjamin hak dan kepentingan mereka terlindung. Antara konsep falsafah yang dominan adalah ajaran Monolitik Konfusius yang berperanan sebagai asas utama dalam sistem politik dan sistem moral. Ia telah pun dipraktikkan semenjak dari zaman silam (Dinasti Shang SM) dan berterusan sehingga pada masa kini, tetapi diolah dalam bentuk yang berbeza. Hasil dari penyebatian nilai keunggulan yang dibina dari idea falsafah dengan nilai kecinaan yang kental, dari sini lahirnya sentimen untuk mengiktirafkan segala yang diwarisi dari peradaban Cina adalah lebih unggul dan hebat berbanding dengan peradaban lain.

Selain dari idea *son of heaven* dan konsep falsafah idea *kinship* juga berperanan utama dalam pembinaan Pandangan Dunia dan identiti komuniti Cina. Nilai asas yang menjadi utama ikatan hubungan ini adalah berpasakkan kepada nilai *filial piety*, iaitu ketaatan terhadap keluarga yang bersifat berterusan meskipun mereka telah meninggal dunia. Ia bermatlamatkan pembinaan masyarakat yang tersusun dan teratur yang boleh dicapai melalui tiga bentuk tindakan; pertama, memberi penghormatan kepada keluarga, kedua, ditegah daripada menyakiti hati mereka dan ketiga, membantu dan memberi sokongan kepada mereka sewaktu kesusahan (Ben-Ami Scharfstein. 1974: 7; Thomas Tsu-wee Tan. 1986: 18). Pandangan ini dinyatakan dalam falsafah Konfusius.

*Men plant trees because they want the shade; men rear sons to provide for old age* (Ben-Ami Scharfstein. 1974: 6).

Pendominasian nilai *filial piety* dalam hubungan kekeluargaan terungkap dalam konsep *kinship* yang berpusatkan kepada anak lelaki (Carstens. 1975: 24). Kepercayaan ini telah diketengahkan sewaktu Dinasti Chou yang menggariskan iaitu, anak lelaki tertua bertanggungjawab untuk menggantikan peranan bapa yang telah meninggal dunia sama ada sebagai raja ataupun ketua keluarga. Bagi komuniti Cina, anak lelaki adalah pewaris penting dalam tradisi kekeluargaan kerana mereka mendokong nama keluarga. Kepercayaan terhadap keistimewaan anak lelaki berbanding dengan anak perempuan telah berterusan pada masa kini dan mana-mana pasangan yang gagal melahirkan zuriat lelaki dikira berdosa besar kerana telah memutuskan jalinan generasi kekeluargaan Cina dari Tanah Besar (Lee Siow Ming. 1986: 7 dan 29). Penghormatan yang tinggi terhadap keluarga telah diperkenalkan dalam sistem moral falsafah Konfusius. Justeru, di zaman lampau mana-mana individu Cina yang tidak menghormati keluarga sehingga menyakiti hati mereka akan dihantar ke pihak berkuasa ataupun dipenjarakan. Antara perbuatan tersebut seperti, berhijrah dari tempat asal, gagal memberi sumbangan kepada

keluarga, berkahwin tanpa pengetahuan keluarga, mengabaikan waktu kesedihan apabila ada ahli keluarga meninggal dunia dan membunuh diri (Ben-Ami Scharfstein. 1974: 7; Thomas Tsu-wee Tan. 1986: 20).

Hasil dari pengukuhan hubungan kekeluargaan, telah membuah nilai kekitaan yang kental sesama komuniti Cina dan dari sini ia telah berkembang dalam hubungan kepuakan (*clan* ataupun *zu*). Hubungan ini terbina menerusi susur galur nenek moyang yang sama yang bersenyambungan selama lima generasi dari pihak lelaki. Sekiranya *surname* berkenaan terputus, ini bererti mereka tidak berkongsi nenek moyang dan darah keturunan yang serupa (Daniel H.K. 1925: 135-138). Pemupukan sentimen kepuakan merupakan tradisi utama komuniti Cina di bahagian Selatan yang bertujuan mengukuhkan pergerakan ekonomi dan melaksanakan upacara keagamaan (Thomas Tsu-wee Tan. 1986: 30).

Selain dari idea *son of heaven*, falsafah dan idea *kinship*, tindakan komuniti Cina juga dipengaruhi oleh persekitaran geografi. Dengan keadaan geografi yang sering ditimpa bencana sama ada di bahagian Utara ataupun bahagian Selatan, dan jumlah penduduk yang padat telah mengukuhkan lagi sentimen kecinaan dan kepuakan. Semangat ini semakin kental dengan kedudukan Tanah Besar China yang jauh terpisah dari negara-negara lain dan keadaan bentuk muka bumi yang bergunung ganang di bahagian Selatan, sehingga membentuk sistem ekonomi tani dan tradisi hidup berkampung yang bersifat menetap (Fairbank, J.K. 1968: 1). Kehidupan sebegini pula diperkukuhkan oleh penubuhan lembaga-lembaga tertentu sebagai peneraju amalan adat istiadat dan upacara yang bersifat bersama, seperti upacara pemujaan untuk mendapat restu dari Dewa Langit, iaitu (*T'ien-Ming*) dan juga Dewi Bumi (*Ti*) bagi menjamin keharmonian pertukaran musim dan kesuburan tanah. Suasana sedemikian telah menyuburkan lagi semangat kekitaan dan kecinaan dalam kehidupan berkampung, bernegeri, bernegara yang diperkembangkan menerusi prinsip kekeluargaan dan kehidupan bermasyarakat yang ditekankan dalam ajaran Konfusius. Sentimen ini juga turut tergarap disebabkan ketegasan pentadbiran Maharaja tertentu, ancaman dari golongan Mandarin (wakil Maharaja) dan puak yang berbeza. Justeru, kehidupan mereka dilihat sebagai satu perjuangan yang berterusan (Daniel H.K. 1925: 135-138; Purcell, V. 1967: 3).

Secara keseluruhannya identiti komuniti Cina terbina hasil dari peranan nilai *filiial piety* yang berinteraksi dengan idea *son of heaven*, falsafah, idea *kinship* dan persekitaran geografi, yang seterusnya membuah nilai keunggulan, kecinaan yang kental dan pragmatis. Dengan penyemaian nilai berkenaan, komuniti Cina melihat peradaban Cina adalah unggul dan mempersepsikan tanggung jawab untuk mentamadunkan masyarakat dunia tergalas di bahu mereka. Oleh itu dalam proses perluasan kuasa, kebanyakan para pentadbir dan golongan falsafah akan menjalankan proses pencinaan semula di wilayah-wilayah diduduki agar kehidupan mereka lebih berperadaban. Inilah yang berlaku sewaktu Maharaja Shih Huang-ti mentadbir Dinasti Ch in. Beliau telah menghapuskan kewujudan negara-negara vassal (negara pinggir) dan menjadikan seluruh wilayah di Tanah Besar berpusat di bawah pentadbirannya (Fairbank, J.K. 1968: 1-10). Manakala bagi komuniti Cina yang berhijrah ke negara-negara baru, keunggulan budaya dan peradaban Cina tetap dilindungi dengan cara menubuhkan sekolah-sekolah Cina, perkampungan Cina dan mengamalkan adat resam Cina.

### 3. PERANAN NILAI *FILIAL PIETY* DALAM HUBUNGAN SESAMA KOMUNITI CINA DAN KOMUNITI BUKAN CINA

Menerusi nilai *filial piety* yang membuahkan nilai keunggulan, kecinaan yang tegar dan pragmatis, komuniti cina berinteraksi sama ada sesama mereka ataupun dengan komuniti bukan Cina. Kehidupan yang sukar di Tanah Besar China seperti ketegasan para Maharaja, kekerapan bencana alam dan kepadatan penduduk sama ada di bahagian Utara ataupun bahagian Selatan, telah mendorong komuniti Cina terutamanya di bahagian Selatan seperti dari Kwantung dan Fukien untuk berhijrah ke wilayah-wilayah baru bagi mencari sumber pendapatan. Persekitaran yang sebegini juga telah mengukuhkan hubungan sesama komuniti Cina yang terpecah mengikut wilayah dan dialek seperti Hokkien, Teochew, Kantonis, Hakka dan Hainan untuk melindungi puak masing-masing.

Teras utama yang mengukuhkan rangkaian perniagaan komuniti Cina adalah hubungan kekeluargaan yang berpasakkan kepada *nilai filial piety* (Wang Gungwu. 1991: 186-190). Dari sini penyemaian rasa kepercayaan dan kerjasama yang kukuh agar segala teknik dan urusan janji perniagaan tidak akan terlepas ke pihak lain telah terpupuk di kalangan mereka (Mahathir Mohamad. (1970: 65). Nilai kesetiaan terhadap keluarga juga memberi jaminan iaitu urusan perniagaan yang tidak mampu diusahakan oleh bapa ataupun ahli keluarga yang lain, akan diteruskan oleh anak lelaki. Misalnya dalam satu kes di Hong Kong, seorang bapa telah memanggil anak lelakinya pulang bagi menguruskan perniagaan. Melalui nilai kesetiaan dan ketaatan terhadap keluarga, anak tersebut telah menutup kliniknya di Los Angeles dan pulang ke Hong Kong untuk menunaikan tanggungjawabnya terhadap keluarga (Murray W. and Samuel H. 1996: 10).

Dalam hubungan sesama komuniti Cina, ikatan yang utuh yang terjalin dalam hubungan kekeluargaan telah berkembang dalam hubungan kepuakan. Tindakan ini terungkap ketika mereka berhijrah untuk mencari sumber pendapatan di persekitaran baru. Puak Cina yang paling awal berhijrah ke wilayah-wilayah baru adalah etnik Hokkien. Antara prinsip yang digunakan untuk mengukuhkan pergerakan ekonomi mereka ialah memonopoli sesebuah kawasan yang kaya dengan sumber asli, melibatkan dalam perniagaan runcit, melombong bijih dan bertani. Pergerakan mereka yang berpusatkan kekeluargaan, menyebabkan seluruh kaum keluarga yang bermula dari bapa, anak lelaki, saudara mara akan dihantar ke kawasan berkenaan bagi mengelakkan kemasukan puak lain sehingga boleh menggugat pengukuhan perniagaan yang sedia ada di wilayah berkenaan (Thomas Tsu-wee Tan. 1986: 46).

Semangat mempertahankan unsur kecinaan juga terserlah di wilayah di Hong Kong sekitar awal abad ke 20. Walaupun pengaruh Barat banyak mempengaruhi pemikiran kelompok peniaga-peniaga muda Cina, namun semangat kepuakan tetap utuh. Pendominasian puak Kantonis di wilayah ini telah menyukarkan puak-puak lain untuk memasuki dan melibatkan diri dalam perniagaan. Kebanyakan aktiviti perniagaan berlangsung dengan mengikut budaya puak Kantonis, manakala hubungan perniagaan sesama mereka pula dijalinan dengan menggunakan dialek Kantonis. Begitu juga dengan sikap mereka sewaktu berhijrah ke negara-negara di sekitar Asia Tenggara, seperti di Filipina, Indonesia dan Thailand dan juga ke negara Eropah Barat. Ikatan kecinaan yang utuh sesama mereka menyebabkan sesetengah kawasan di wilayah baru

hanya didiami oleh puak berkenaan tanpa membuka peluang kepada puak-puak lain untuk mendapatkan sumber ekonomi, seperti emas dan bijih timah (Thomas Tsu-wee Tan. 1986: 46).

Ketika berinteraksi dengan komuniti bukan Cina, identiti kecinaan terus dipertahankan menerusi nilai *filial piety*. Tindakan sedemikian terserlah sewaktu mereka berhijrah dan membina penempatan di wilayah-wilyah baru. Antara matlamat utama penghijrahan ini adalah untuk mencari sumber pendapatan kerana kesukaran hidup di wilayah asal. Orientasi pemikiran yang berpusatkan kekeluargaan mendorong komuniti Cina untuk mengekalkan bahasa, budaya, pendidikan dan agama yang diwarisi. Hasilnya, setiap kawasan yang dihijrahi walaupun dalam masa yang singkat akan dibina perkampungan Cina bagi menjamin keberterusan nilai budaya dan peradabannya (Thomas Tsu-wee Tan. 1986: 48).

Penghijrahan komuniti Cina ke Amerika Syarikat dengan tujuan untuk mencari sumber ekonomi seperti emas dan timah, telah mempertemukan pelbagai komuniti etnik dari wilayah-wilayah lain seperti Irish, Korea, Jepun, Sweden dan juga Itali. Walaupun masing-masing tinggal dalam kelompok tersendiri dan membentuk perkampungan berdasarkan budaya tersendiri, tetapi semangat kepuakkan lebih teronjol di kalangan komuniti Cina. Perkampungan Cina dibina hampir di setiap wilayah di Amerika Syarikat seperti di New York, Chicago, Los Angeles, San Francisco, Vancouver, Toronto, Philadelphia dan Honolulu. Dari sini budaya, bahasa dan agama dihidupkan menerusi pembinaan sekolah dan pengamalan adat resam Cina. Dengan hubungan kepuakkan dan kecinaan yang utuh, situasi sebegini telah mencetuskan kesukaran bagi komuniti bukan Cina untuk melombong di wilayah berkenaan (Thomas Tsu-wee Tan. 1986: 73-77). Malah kerajinan mereka berkerja bagi membantu keluarga yang berada di Tanah Besar China seperti wilayah Kwangtung dan Fukien telah menyebabkan kawasan tertentu hanya didominasi oleh komunitinya sehingga mencetuskan ketegangan dengan komuniti penghijrah lain. Rasa kurang senang sesetengah komuniti bukan Cina semakin tinggi apabila mereka lebih cenderung untuk berinteraksi dalam bahasa Cina dan bukan berbahasa Inggeris, dan hanya bergaul sesama mereka dan kurang menghormati hak kepentingan komuniti lain. Kesannya sebahagain mereka diminta kembali ke negara asal ataupun dipaksa untuk mengasimilasi dengan budaya Anglo-Saxon yang terlebih dahulu memajukan wilayah berkenaan (Huntington, S.P. 2005: 39).

Komuniti Cina juga telah berhijrah ke wilayah Singapura yang mencakupi pelbagai puak iaitu Hokkien, Teochew, Kantonis, Hainan dan Hakka dan sebagainya. Dengan penjajahan Barat, wilayah ini yang pada asalnya didiami oleh komuniti Melayu telah berubah kepada pendominasian komuniti Cina setelah British membentuk Singapura sebagai negeri Selat dan menggalakkan penghijrahan komuniti Cina bagi membangunkan pelabuhannya. Budaya, bahasa dan adat resam Cina telah berkembang dengan pesat setelah kaum wanita turut sama berhijrah ke wilayah berkenaan. Dari sini institusi dan hubungan kekeluargaan yang terbina dari Tanah Besar China telah meresap ke wilayahbaru. Menerusi nilai *filial piety*, identiti komuniti Cina yang lebih melindungi hubungan kekeluargaan dan kepuakkan terungkap sewaktu mereka berinteraksi dengan komuniti bukan Cina. Justeru, setiap puak Cina mendominasi pekerjaan yang berbeza. Antaranya puak Hokkien bekerja sebagai petani, nelayan dan pekedai runcit. Mereka terdiri dari kelas pedagang yang paling kaya. Kantonis terlibat dengan perlombongan bijih dan pertukangan. Pekerjaan yang sama juga turut didominasi oleh puak Hakka. Manakala Teochew pula mendominasi bidang petani seperti peladang gambir dan lada hitam, nelayan dan pekedai runcit. (Thomas Tsu-wee Tan. 1986: 60-64). Dengan semangat kecinaan yang kental, hubungan dengan komuniti bukan Cina kurang dipentingkan, melainkan jika ia berupaya mengukuhkan sumber

ekonomi mereka. Manakala ketegangan dengan komuniti Melayu kurang terserlah kerana British melaksanakan dasar pecah dan perintah bagi mengelakkan komuniti yang berbeza mendiami penempatan yang sama dan melibatkan diri dalam kegiatan ekonomi yang serupa. Malah konflik ini juga berjaya dikurangkan kerana sikap komuniti Melayu yang lebih cenderung untuk bertolak ansur dalam seluruh aspek kehidupan.

## KESIMPULAN

*Filial piety* adalah teras utama pembinaan identiti komuniti Cina. Menerusi interaksi dengan norma sosial iaitu idea *son of heaven*, falsafah, idea *kinship* dan persekitaran geografi, telah mengukuhkan lagi pembinaannya. Menerusi pencorakkan ataupun pengemudian nilai keunggulan, kecinaan yang kental dan pragmatis, komuniti Cina berhubungan sama ada sesama mereka ataupun dengan komuniti bukan Cina. Nilai yang memugar di Tanah Besar China juga meresap ke dalam lubuk jiwa komuniti Cina yang berada di negara-negara luar. Hubungan dijalinan menerusi upacara penyembahan nenek moyang yang bukan sahaja ditumpukan kepada keluarga di negara baru, tetapi juga di Tanah Besar. Walaupun komuniti Cina telah berhijrah ke negara-negara baru dan menjadi warganegara di negara berkenaan, namun ikatan dan identiti kecinaan ini tetap terserlah kerana menerusi nilai *filial piety*, mereka dididik untuk menghidupkan amalan dan adat resam kecinaan secara berterusan agar identiti mereka lebih terlindung.

## RUJUKAN

- Ben-Ami Scharfstein. (1974). *The Mind of China*. New York: Basic Books.
- Chang Chi- Yun. (1957). *The Essence of Chinese Culture*. China: The China News Press.
- Carstens. (1975). *Chinese Associations in Singapore Society*. Singapore: ISEAS Studies.
- Charles A. M. (1967). Introduction: The Humanistic Chinese Mind, dalam *The Chinese Mind, Essentials of Chinese Philosophy and Culture*, diedit oleh Charles A. Moore, Honolulu: The University Press of Hawaii.
- Daniel H.K. (1925). *Country Life in South China: The Sociology of Familism*. New York: Bureau of Publications.
- Dawson, R. (1964). Western Conceptions of Chinese Civilization dalam *The Legacy of China*, diedit oleh Dawson, R. Boston: Oxford University Press.
- Mellieush, G. (2004). The Clash of Civilizations dalam *Rethinking Civilizational Analysis*, diedit oleh Said Amir Arjomed dan Edward Tiryakian, SAGES Studies in International Sociology 52. London: Sage Publication.
- Fairbank, J.K et.al. (1973), *East Asia: Tradition and Transformation*. London: Houghton Mifflin.
- Fairbank, J.K. (1968). A Preliminary Framework dalam *The Chinese World Order: Traditional China's Foreign Relations*. diedit oleh Fairbank, J.K. Cambridge.
- Huntington, S.P. (2005). *Who Are We? The Challenges to America's National Identity*. New York: Simon & Schuster.
- Hsieh Yu-we. (1977). Filial Piety and Chinese Society dalam *The Chinese Mind: Essentials of Chinese Philosophy and Culture*. Honolulu: The University Press of Hawaii..
- Ikels, C. (2004). Introduction dalam *Filial Piety: Practice and Discourse in Contemporary East Asia*, diedit oleh Ikels, C. California: Stanford University Press.

- Kolb, A. (1971). *East Asia: China, Japan, Korea, Vietnam: Geography of A Cultural Region*. London.
- Lee Siow Ming. (1986). *Spectrum of Chinese Culture*. Petaling Jaya: Pelanduk Publication.
- Li Chi. (1967). *The Formation of Chinese People*. New York: Russell & Russell.
- Lien-shen Yang. (1968). Historical Notes on The Chinese World Order. dalam *The Chinese World Order: Traditional China's Foreign Relations*, diedit oleh Fairbank, J.K, Cambridge.
- Mahathir Mohamad. (1970). *The Malay Dilemma*. Singapore: Times Books International.
- Murray W. and Samuel H. (1996). *The Bamboo Network: How Expatriate Chinese Entrepreneurs Are Creating a New Economic Power in Asia*, New York: Martin Kessler Books The Free Press.
- Purcell, V. (1967). *The Chinese in Malaya*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Tan Liok Ee. (1988). *The Rhetoric of Bangsa and Minzu: Community and Nation in Tension, The Malay Peninsula, 1900-1955*. Working Paper No.58, Melbourne University Centre For Southeast Asian Studies.
- Thomas Tsu-wee Tan. (1986). *Your Chinese Roots: The Overseas Chinese Story*. Singapore: Times Books International.
- Wang Gungwu. (1991). *China and The Chinese Overseas*. Times Academic Press.